

Malaysia akan buktikan kemampuan sebagai ^{BH 17/3/92} negara maju — Mahathir

JITRA 16 Mac — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia tidak akan tunduk kepada negara-negara besar sebaliknya akan membuktikan kemampuan sebagai negara maju dan dihormati.

Katanya, kita juga tidak boleh lagi selama-lamanya meminta sedekah atau bergantung kepada negara asing, tetapi sudah sampai masanya berusaha dengan kebolehan sendiri.

"Saya yakin kita boleh dan mampu buat walaupun roket atau membekal senjata jika tekun dan jadi bangsa yang maju," katanya di majlis berbuka puasa dengan penduduk tempatan di Masjid Melele, Tunjang, di sini hari ini.

Isterinya, Dato' Sri Datin

Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Speaker Dewan Undangan Negeri Dato' Paduka Haji Abdullah Ismail dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tunjang, Dato' Haji Hanafi Ramle adalah di antara lebih 500 orang yang hadir.

Perdana Menteri dan isteri turut menunaikan sembahyang maghrib di masjid itu. Mereka pulang ke Kuala Lumpur malam ini.

Menurut Perdana Menteri lagi, pada masa ini negara berusaha membuat kapal terbang dua penumpang.

"Apa-apapun kita mula dengan langkah yang kecil dan akhirnya kita boleh mencapai kejayaan yang lebih besar," katanya.

Beliau juga mengingatkan

bahawa berdoa sahaja tidak memadai tanpa usaha yang bersungguh.

"Oleh itu jika kita mahu bangsa dan Islam maju kita perlu tingkatkan lagi pengetahuan dan kebolehan," katanya.

Perdana Menteri juga menarik perhatian mengenai kekayaan dan kemakmuran negara sehingga dapat menyediakan peluang pekerjaan yang banyak untuk rakyat.

"Inilah kelebihan negara jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Eropah dan England di mana rakyatnya ramai yang menganggur sedangkan negara terpaksa mengimport rakyat asing untuk bekerja di sini," tambahnya.